



TOKIO MARINE

Headline	Peningkatan kos perubatan beri manfaat kepada RHB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Ekonomi	Page No	L-20
ArticleSize	220 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,044		



PATRICK CHEAH (kiri), Charles Sik (dua dari kiri), Toi See Jong (dua dari kanan) bersama Akira Yoshimukawa (kanan) di Majlis Pelancaran Essential FlexiLink di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD AMIRUL ASHRAF MOHD SOLIHAN

Peningkatan kos perubatan beri manfaat kepada RHB

KUALA LUMPUR 21 Nov. RHB Bank menjangka kenaikan kos perubatan di Malaysia akan menjadi faktor penting untuk meningkatkan langganan perkhidmatan perbankan insurans miliknya tahun ini.

Ketua Perbankan Insurans RHB Bank, Patrick Cheah berkata, bank mampu mencecah sasaran premium biasa kepada RM60 juta tahun ini disebabkan faktor tersebut daripada RM30 juta yang dicatatkan tahun lalu.

Beliau berkata, sasaran itu juga akan dibantu oleh produk terbaiknya Essential FlexiLink, melalui kerjasama dengan syarikat insurans Jepun, Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (Tokio Marine).

“Jika berdasarkan Kementerian Kesihatan dan jangkaan inflasi negara, kos perubatan bakal meningkat. Hal itu mewujudkan potensi kepada kami untuk mendapatkan pelanggan baharu yang semakin menyedari pentingnya perlindungan kesihatan,” katanya selepas melancarkan produk terbaharu Essential FlexiLink di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Perbankan Runcit RHB Banking Group, Charles Sik, Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine, Toi See Jong dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine, Akira Yoshimukawa.

Selain itu kata Cheah, berdasarkan kadar pertumbuhan tahunan 100 peratus premium biasa

bank itu melalui kerjasama yang dijalankan dengan Tokio Marine, beliau yakin momentum itu dapat diteruskan walaupun sukar mengulangi kadar pertumbuhan yang serupa.

Katanya, produk Essential FlexiLink dijangka dapat mengumpul nilai premium biasa mencecah RM10 juta dalam tempoh setahun selepas dilancarkan hari ini.

Dalam pada itu, mengenai prestasi pinjaman RHB Bank, Sik berkata, pihaknya kini akan memfokuskan peminjam-peminjam yang lebih berkualiti bagi menstabilkan perniagaan pinjaman selepas memperlihatkan beberapa sektor terutamanya pembelian hartanah yang agak perlahan.